

Submission date: 05/01/2018

Accepted date: 08/04/2018

**PENGURUSAN DAN PERLINDUNGAN ANAK TAK SAH TARAF MELALUI 'BABY HATCH': SATU PENILAIAN DARIPADA PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA***Management and Protection of Illegitimate Child through 'Baby Hatch': An Analysis from the Perspectives of Maqasid Syariah and Malaysian Legal System*Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan  
Universiti Sains Islam Malaysia

mahyeddin@usim.edu.my

**Abstrak**

Penularan budaya perzinaan dalam sesebuah masyarakat akan meruntuhkan institusi kekeluargaan di samping mengkucarkacirkan susur galur keturunan apabila lahirnya anak-anak luar nikah serta tidak sah taraf. Kelahiran anak luar nikah turut menyumbang kepada jenayah pembuangan bayi. Atas dasar inisiatif untuk menyelamatkan bayi dibuang ini, Pertubuhan Kebajikan dan pengurusan Anak Yatim (OrphanCARE) telah melancarkan *baby hatch*. Bagaimanapun, timbul persoalan adakah *baby hatch* ini bertepatan dengan kehendak maqasid Syariah dan sejauhmanakah ia berkesan dalam menangani masalah pembuangan bayi, disebabkan terdapat pandangan yang mengatakan kewujudannya hanya menggalakkan lagi masalah zina. Justeru, kajian ini bermatlamat menganalisis penubuhan *baby hatch* dari perspektif maqasid Syariah dan perundangan di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan analisis dokumen dan temubual dengan pengendali *baby hatch* di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun anak tak sah taraf lahir dari perbuatan zina, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana bayi tersebut tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua ibu bapanya bahkan tetap mempunyai hak untuk hidup. Bahkan, hak mereka untuk hidup itu telah dijamin oleh Islam melalui prinsip '*hifzunnafsi*' iaitu salah satu perkara asas dalam kemaslahatan mengikut maqasid Syariah. Kajian ini diharapkan mampu memberi pencerahan kepada masyarakat umum tentang isu *baby hatch*.

Kata kunci: zina, anak tidak sah taraf, *baby hatch*, maqasid syariah.**Abstract**

The increasing trend of adultery in the society will result in the collapse of family institution. With the births of illegitimate children out of this extramarital sexual relationship, the family lineage will be affected. Not to forget, more innocent babies, who happened to be born illegally, will be inhumanely dumped and killed. Realising the vital need to protect these innocent babies, Organisation for the Management and Protection of Orphan (OrphanCARE) has launched an initiative called '*baby hatch*'. Nevertheless, there has been an issue of whether this initiative is in accordance with the *maqasid syaria* and how effective it is in addressing the baby dumping issues. Since this initiative aims to protect the illegitimate babies from being dumped, it was claimed that this initiative will encourage the act of adultery. This research therefore aims to

analyse the establishment of *baby hatch* from the perspectives of *maqasid syaria* and the Malaysian legal system. Qualitative method was used through interview session with the *baby hatch* operator. The research found that despite being born as illegitimate children, the children are innocent and will not bear the sins of their parents. The children in fact have their rights to life which should be respected and protected. This right has long been guaranteed in Islam through the principle of *hifzunnafsi* that is an integral element of *maqasid syaria*. It is hoped that the concern among the society on the issue of *baby hatch* will be cleared with the outcome of this research.

Keywords: adultery, illegitimated child, baby hatch, maqasid syariah.

## PENDAHULUAN

Isu anak tak sah taraf di Malaysia sudah menjadi masalah sosial yang lumrah dan tidak asing lagi kepada masyarakat hari ini. Kisah-kisah tentang pembuangan bayi sering mendapat liputan utama di dada akhbar, manakala kes wanita hamil tanpa nikah yang berada di pusat pemulihan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendedahkan 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf, didaftarkan di seluruh negara bagi tempoh tiga tahun, bermula 2013 hingga 2016. Justeru, secara purata kira-kira 140 bayi luar nikah dilahirkan setiap hari oleh ibu yang beragama Islam pada tahun lalu. Menurut JPN, pendaftaran semua kelahiran itu hanya membabitkan wanita Islam, kerana tiada status sedemikian untuk bukan Islam (Sophia Ahmad, 2016).

Kebanyakan anak-anak gadis yang terlanjur menyembunyikan kandungan daripada keluarga kerana bimbang dibuang dan dicemuh oleh keluarga dan masyarakat. Stigma masyarakat yang memandang serong terhadap kelahiran anak haram telah memberi tekanan perasaan kepada mereka. Satu-satunya pilihan yang ada ialah melahirkannya bayi itu secara rahsia dan membuangnya dengan harapan bayi itu ditemui oleh seseorang yang dapat menjaga ia dengan baik (Sawai, Sukor, Salleh, Ab Halim, Baharuddin, & Sawai, 2013).

Selain itu, sebanyak 697 kes pembuangan bayi dilaporkan berlaku di seluruh negara mulai 2010 sehingga tahun 2016. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 91 kes dilaporkan pada tahun 2010 dan 98 kes pada 2011. Pada tahun 2012 pula, jumlah kes telah menurun kepada 89 kes manakala meningkat semula pada 2013 iaitu sebanyak (90 kes); 2014 (103 kes); 2015 (111 kes) dan 2016 (115 kes) (Utusan Online, 2017). Jumlah pembuangan akan lebih tinggi pada musim-musim tertentu seperti sambutan tahun baru dan hari kemerdekaan. Ini disebabkan golongan remaja bebas keluar Bersama pasangan masing-masing ketika itu, tanpa pengawasan oleh ibu bapa mereka (Sawai, Sukor, Salleh, Ab Halim, Baharuddin, & Sawai, 2015).

Pelbagai usaha dilaksanakan bagi membendung masalah ini, antaranya ialah menempatkan pesalah sosial di pusat pemulihan akhlak, mewujudkan pusat penjagaan bayi yang tidak dikehendaki (*baby hatch*) dan memberi latihan kemahiran diri bagi membantu golongan yang bermasalah ini meneruskan kehidupan pada masa akan datang. Secara jelasnya, penubuhan *baby hatch* dilihat sebagai satu usaha untuk menyelamatkan nyawa anak-anak yang tidak berdosa itu. Maka, ibu yang melahirkan bayi luar nikah sekarang mempunyai tempat untuk meninggalkan bayi. Begitu juga pasangan suami isteri yang tidak mampu menanggung bayi boleh meninggalkan bayi di *baby hatch* supaya bayi itu boleh diambil sebagai anak angkat.

Bagaimanapun, penubuhan *baby hatch* mengundang perbincangan dengan persoalan sama ada ia tindakan yang wajar dari sudut maqasid syariah mahupun pandangan sosial. Kalangan pakar agama di Negara ini seperti Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz dan Datuk Noh Gadut menyokong penubuhannya (Berita Harian, 2010). Kalangan yang menentang pula berhujah bahawa *baby hatch* akan menggalakkan lagi gejala zina dan buang bayi yang sudah sedia membarah dalam masyarakat.

Justeru, artikel ini disediakan bertujuan untuk menganalisis status *baby hatch* dari perspektif maqasid syariah dan undang-undang Malaysia, di samping menilai sejauhmana kebenaran dakwaan bahawa penubuhannya akan menggalakkan lagi budaya zina dan buang bayi di Malaysia.

### **DEFINISI ANAK TAK SAH TARAF**

Mengikut Syariat Islam, konsep sah taraf merujuk kepada perakuan yang diperolehi oleh anak berkenaan sebagai anak yang sah kepada bapa berkenaan. Mengikut para fuqaha, perolehan berkenaan boleh berlaku melalui tiga cara. Pertamanya melalui perkahwinan yang sah atau perkahwinan yang fasid antara kedua ibu dan bapa kepada anak berkenaan. Keduanya berlaku persetubuhan secara shubhah antara lelaki dan perempuan berkenaan. Sementara ketiganya pula melalui perakuan yang dibuat oleh bapa berkenaan bahawa anak berkenaan adalah anaknya (Ismail, 2017).

Asas utama kepada pandangan ini ialah sabda Rasulullah SAW” *الولد للفراش*” yang bermaksud anak perlu dikaitkan (*Ilhaq*) dengan bapa yang melahirkannya melalui perkahwinan yang sah (Al-Zuhaili, 1985).

Manakala anak tak sah taraf dalam istilah bahasa Arab disebut *walad al-zina*. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, ia sinonim dengan “anak zina”, dan “anak luar nikah”. Justeru, kesemua istilah tersebut memiliki maksud yang sama, cuma dilihat dari perspektif atau persekitaran yang berbeza sahaja. Persoalan ini berkait dengan hubungan antara anak berkenaan dengan bapa biologinya yang tidak diiktiraf oleh syarak (Ismail, 2017). Anak tak sah saraf lahir daripada perlakuan zina atau rogol. Dalam hal ini, zina adalah dosa besar dan termasuk dalam salah satu jenayah hudud (Zakiyy & Hamid, 2015). Keadaan ini berbeza dengan budaya masyarakat barat yang tidak mementingkan aspek tersebut (Widmer, Treas & Newcomb, 1998).

Berdasarkan peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303) seksyen 2 mentafsirkan anak tak sah taraf adalah satu istilah yang digunakan bagi anak yang tidak mempunyai nasab atau hubungan darah yang sah sepertimana berikut:

*tak sah taraf, berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah;*

Secara umumnya, definisi di atas adalah serupa dengan pengertian anak tak sah taraf di dalam semua Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Ini kerana kesemua Akta / Enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia menggunakan undang-undang model seragam yang telah diperkenankan oleh mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke 188 pada 22 Mac 2001 (Ismail, 2017).

Penjelasan terperinci berkaitan definisi anak tak sah taraf telah diberikan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MKI) kali ke-64 pada 27 Julai 2004 yang antara lain menyebut bahawa anak tak sah taraf ialah:

- i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada *persetubuhan syubhah* atau bukan daripada anak perhambaan;
- ii. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh *tamkin* (setubuh);
- iii. Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut takwim Qamariah daripada waktu *tamkin* (setubuh) selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrar* (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut Hukum Syarak (JAKIM, t.th).

Anak tak sah taraf adalah juga seorang manusia yang haknya telah dijaga oleh Islam. Di antara hak-hak mereka yang dijamin oleh Islam adalah seperti berikut:

*i. Pergaulan dan hubungan:*

Dalam Islam, anak tak sah taraf bebas menjalin apa-apa hubungan atau aktiviti sepertimana yang dilakukan oleh kanak-kanak Islam yang sah tarafnya.

Hukum pergaulan anak tak sah taraf dengan lelaki yang melakukan persetubuhan dengan ibunya adalah sama dengan lelaki asing yang tiada kaitan dengannya (bukan mahram) kecuali lelaki tersebut menjadi suami ibunya maka hubungannya adalah sebagai ayah tiri.

Perhubungan antara anak tak sah taraf dengan anak-anak di sebelah ibunya yang sah taraf dan ahli keluarga sebelah ibunya yang lain adalah hubungan kekeluargaan yang sah. Namun, perhubungan ini tidak boleh diperluaskan kepada keluarga sebelah bapanya yang tidak sah kerana keluarga bapa bukan termasuk ahli keluarganya.

*ii. Penamaan dan nasab.*

Jika seseorang anak lahir tanpa ada ikatan perkahwinan yang sah di antara ibunya dengan lelaki yang menyetubuhinya dan bukan persetubuhan syubhah, maka anak tersebut tidak boleh dibin atau dibintikan kepada bapa zina. Sebaliknya hendaklah dibinkan atau dibintikan Abdullah atau lain-lain nama *asma' ul-husna* yang berpangkalan Abdul.

*iii. Nafkah:*

Tanggungjawab nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf terletak kepada ibunya. Ini adalah kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Enakmen undang-undang keluarga Islam di seluruh negeri di Malaysia mempunyai peruntukan yang mewajibkan setiap wanita yang melahirkan anak tak sah taraf memberikan nafkah mengikut kemampuannya. Misalnya seksyen 81, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah, 2008, seksyen 80 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 81 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 81 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan seksyen 81 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 masing-masing mempunyai peruntukan yang hampir sama seperti yang berikut:

*Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat dirogol, mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberikan apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.*

Walaubagaimanapun, sekiranya si ibu tidak mampu menyara nafkah tersebut, kewajipan tersebut akan berpindah kepada waris ibu dan seterusnya akan ditanggung oleh pemerintah jika waris ibu juga berhalangan untuk memberikan nafkah. Peruntukan undang-undang jelas mengiktiraf, memelihara dan melindungi hak anak tak sah taraf meskipun terdapat beberapa kelemahan dari aspek pelaksanaannya (Ahmad, A.G & Dahlan, N.H, 2016)

*iv. Penjagaan:*

Hubungan *nasab* (keturunan) anak tak sah taraf dengan ibu serta ahli keluarganya tidak terputus. Oleh itu tanggungjawab menjaga anak tak sah taraf menjadi tanggungjawab ibu dan ahli keluarga di sebelah ibunya. Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303) seksyen 85 memperuntukkan bahawa:

*“Penjagaan kanak-kanak tak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu”*

*v. Harta pusaka:*

Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan ibunya. Begitu juga ibu tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan anak tersebut. Oleh itu, kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain.

Seseorang anak tak sah taraf tidak boleh mempusakai harta bapanya yang tidak sah. Begitu juga bapa tidak boleh mewarisi harta anak tersebut kerana kedua-duanya telah terputus hubungan kekeluargaan.

*vi. Perwalian:*

Hak perwalian diri anak tak sah taraf terletak kepada ibunya. Walaubagaimanapun, wali perkahwinan bagi seseorang anak tak sah taraf perempuan dipegang oleh *wali hakim* (iaitu Yang DiPertuan Agong/Sultan/Raja atau individu yang diberi tauliah). Ini adalah kerana seseorang perempuan tidak sah menjadi wali di dalam apa jua perkahwinan. Sabda Rasulullah S.A.W:

Maksudnya: *Sultan adalah wali kepada sesiapa yang tidak mempunyai wali.*  
(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

Begitu juga lelaki yang menyetubuhi ibunya tanpa akad nikah yang sah, sama ada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya selepas itu juga tidak sah menjadi walinya.

*vii. Perkahwinan:*

Keraguan berhubung kesahan perkahwinan seorang anak tak sah taraf perlu dikikis kerana agama tidak pernah membezakannya dengan kanak-kanak lain. Mereka juga seperti insan-insan yang lain. Kesalahan yang berlaku sehingga mereka dilahirkan bukanlah dosanya tetapi hasil perbuatan ibu dan lelaki yang menyetubuhi ibunya. Oleh itu perkahwinan anak tak sah taraf perempuan adalah sah, walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa lelaki yang baik nasabnya tidak digalakkan mengahwininya.

viii. *Urusan kematian:*

Kematian seorang anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut hukum agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam, maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Oleh itu mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan seorang yang beragama Islam, maka dia dihukum sebagai bukan seorang beragama Islam sekalipun lelaki yang menyetubuhi ibunya adalah seorang Islam.

ix. *Pertukaran status anak tak sah taraf:*

Seseorang anak tak sah taraf boleh bertukar sifatnya apabila dia dibuang oleh ibunya dan dijumpai oleh orang lain. Pada ketika itu statusnya akan bertukar menjadi *anak laqit* (iaitu anak pungut). Dia akan menjadi anak angkat kepada sesiapa yang memungut dan diberi tanggungjawab memeliharanya berdasarkan peruntukan yang diberikan kepada seorang anak angkat.

x. *Amal kebajikan:*

Amal kebajikan anak tak sah taraf sama ada untuk diri sendiri atau untuk masyarakat adalah sama seperti anak-anak tak sah taraf yang lain. Anak tak sah taraf adalah seorang yang suci dan bersih dari sebarang dosa ibu dan bapanya. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*...dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja) (Surah al-An'am: 164)*

Firman Allah S.W.T lagi:

*Maksudnya: (Oleh itu) katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu tidak akan bertanggungjawab tentang kesalahan yang kami lakukan, dan kami pula tidak akan bertanggungjawab tentang apa yang kamu kerjakan". (Surah Saba': 25)*

Amal kebajikan mereka tetap akan mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T sama seperti amal kebajikan orang Islam yang lain.

## **PENGENALAN KEPADA *BABY HATCH***

*Baby hatch* merupakan satu tempat untuk meletakkan bayi-bayi yang tidak diingini, atau bayi terbuang ("*Baby Hatch*", t.th). Idea penubuhan *baby hatch* di Malaysia dicetuskan Dato' Adnan Mohd Tahir yang turut menjadi pengasas kepada Pertubuhan Orphan Care di Malaysia, setelah melihat bertambahnya bilangan kes-kes pembuangan bayi saban hari. *Baby hatch* di Malaysia dilancarkan pada 29 Mei 2010 oleh YTM Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom, yang merupakan penaung kepada pertubuhan badan tersebut (Orphan Care, t.th).

*Baby hatch* diwujudkan dengan tujuan untuk menempatkan dan memberi perlindungan kepada bayi-bayi terbuang yang kebiasaannya ditemui di dalam longkang, tepi jalan, dalam tong sampah dan seumpamanya. Selain itu, *baby hatch* juga berfungsi sebagai tempat untuk menempatkan bayi yang tidak diingini oleh penjaganya sama ada disebabkan anak itu cacat, ataupun penjaganya tidak lagi berupaya menjaganya (Orphan Care, t.th).

Selain Malaysia, idea penempatan bayi-bayi terbuang dan tidak diingini di *baby hatch* telahpun dipraktikkan oleh beberapa negara lain di dunia. Meskipun sejarah kewujudannya *baby hatch*

yang menggunakan nama-nama yang berbeza di negara-negara luar telah pun bermula seawal zaman pertengahan yakni tempoh antara Kurun ke-5 dan ke-15, namun ia kembali menjadi popular di beberapa negara bermula tahun 2000. Ia telah dipraktikkan di banyak negara seperti di Jerman, Czech Republic, Poland, Austria, Perancis, Jepun, Britain, Pakistan dan Belgium (Evans, 2012).

Demi menjaga keselesaan dan keselamatan bayi tersebut, kotak *baby hatch* dilengkapi dengan kemudahan dan ciri-ciri keselamatan yang baik. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di Orphan Care Petaling Jaya, Selangor pada 23 Ogos 2012, si ibu boleh meninggalkan bayinya di dalam kotak *baby hatch* yang dipasang dengan lampu dan sistem berhawa dingin. Di bahagian luar pintu *baby hatch*, disediakan borang khas yang perlu diisi oleh si ibu. Sekiranya si ibu mengisi dan menandatangani borang tersebut, maka tiada laporan polis yang perlu dibuat. Bayi yang ditinggalkan itu seterusnya boleh terus melalui proses mendapatkan keluarga angkat, berdasarkan rekod keluarga angkat yang sedia tersimpan di Orphan Care. Sebaliknya, jika si ibu tidak menandatangani borang yang disediakan, ia akan melambatkan proses penyerahan kepada keluarga angkat, kerana perkara ini perlu dilaporkan kepada pihak polis untuk dilakukan siasatan lanjut.

Setelah pintu *baby hatch* ditutup, ia tidak boleh dibuka semula kerana pintu akan terkunci secara automatik. Ini adalah bagi mengelakkan dari bayi tersebut diculik oleh individu lain. Sistem penggera di dalam bangunan akan berbunyi secara automatik sebaik sahaja bayi diletakkan di atas tilam, disebabkan sensor yang dipasang di bawah tilam *baby hatch*. Seterusnya, pihak pengurusan juga boleh melihat gambar bayi tersebut dari dalam bangunan, yang akan terpapar di skrin televisyen menggunakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Sekiranya si ibu berubah fikiran dan ingin mengambil semula bayinya, dia boleh bercakap dengan staf yang bertugas, menerusi alat interkom yang dipasang di luar kotak *baby hatch*. Staf yang bertugas seterusnya akan membuka pintu dari dalam dan menyerahkan semula bayi itu kepada si ibu.

Sejak pelancaran *baby hatch* dibuat pada 29 Mei 2010, sehingga kini pihak pengurusan Orphan Care telah menerima 200 kes anak tidak diingini. Daripada jumlah ini, hanya 37 bayi sahaja yang diletakkan dalam *baby hatch* yang disediakan.

Untuk *baby hatch*, sekiranya tiada dokumen atau bukti lain-lain yang menyatakan bayi itu bukan Islam, maka bayi tersebut akan diuruskan sebagai Islam dan akan diserahkan dan dibesarkan sebagai Muslim kerana fatwa menyatakan bayi terdampar adalah Islam. Manakala undang-undang sivil tidak menyebut tentang hal ini, undang-undang Islam digunapakai (komunikasi peribadi bersama Puan Syarha Mohd Tahir, 31 Oktober 2017).

## **HUBUNGKAIT *BABY HATCH* DAN MAQASID SYARIAH**

### **Definisi maqasid syariah**

Maqasid syariah ialah tujuan sesuatu pengsyariaan sama ada dengan mendatangkan kebaikan ataupun menolak keburukan. Syariah menurut metodologi ilmu Islam bererti apa sahaja yang ditetapkan oleh Allah S.W.T untuk para hambaNya dalam sudut akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan apa sahaja tata hidup di dunia ini. Namun begitu, pada pandangan Imam al-Syatibi : "Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan maqasidnya untuk sekalian manusia iaitu untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada mereka dan

mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat” (Al-Shatibi, 2005).

Maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Antara istilah popular yang digunakan ialah maqasid syariah, *maqasid al-syari'* (Allah SWT) dan *al-maqasid al-syar'iyah* (Al-Raysuni, 1992).

Terdapat pelbagai pendefinisian telah dikemukakan oleh ulama usul fiqh kontemporari tentang istilah maqasid. Ulama klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik terhadap maqasid, malah al-Syatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu maqasid pun tidak pernah memberikan definisi tertentu kepadanya. Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan maqasid di dalam aspek hukum-hukum syarak. Pelbagai tanggapan dan tafsiran terhadap maqasid dapat dilihat di dalam karya-karya mereka. Melalui tanggapan dan tafsiran ulama klasik yang pelbagai tentang ciri-ciri maqasid inilah yang menjadi unsur pencetus kepada definisi-definisi maqasid yang dikemukakan oleh ulama kontemporari selepas mereka. Apa yang pasti ialah nilai-nilai maqasid syariah itu terkandung di dalam setiap ijtihad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana nilai-nilai maqasid syariaiah itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Al-Obeidi, 1992; Al-Duraini, 1997).

Para sarjana Islam kontemporari telah menjadikan rangkuman tentang tanggapan dan tafsiran ulama klasik sebagai asas definisi maqasid syariah. Ibn 'Asyur misalnya mentakrifkan maqasid syariah sebagai pengertian dan rahsia yang dapat difahami daripada syariat Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatan (Al-Misawi, 1998). 'Alal al-Fasi turut mendefinisikan maqasid syariah dengan maksud objektif yang datang dari syariah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh pembuat syariah bagi setiap hukum-hakamnya (Al-Qarni, 2000). Al-Raysuni (1992) pula merumuskan kedua-dua definisi tersebut sebagai objektif yang ditentukan oleh syariat supaya dicapai bagi kepentingan manusia.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa syariat yang ditaklifkan kepada manusia oleh *Syari'* (Allah SWT) sememangnya mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum. Melalui definisi di atas dapat dilihat dengan jelas, para ulama telah bersependapat bahawa hukum syarak itu mengandungi hikmah dan maqasidnya yang tersendiri. Hukumnya berkisar mengenai tatacara menjaga kemaslahatan manusia di dunia hinggalah ke akhirat (Al-Qaradawi, 1993).

Penelitian para sarjana Islam terhadap sumber-sumber syariat Islam telah mengesahkan bahawa maqasid utama syariat Islam ialah untuk memberi kemaslahatan kepada manusia samada membawa masalah (manfaat) atau menolak keburukan (mudharat) daripada manusia. Oleh itu, didapati semua hukum syarak bernaung di bawah konsep jaminan masalah kepada manusia bukan sahaja di dunia malah menjangkaui alam akhirat sebagaimana dinukilkan daripada al-Izz B. Abd al-Salam (t.th) bahawa Islam itu semuanya masalah, samada dengan mendatangkan masalah mahupun mengelakkan mudharat.

Maqasid syariah tidak tertumpu kepada elemen syariah sahaja tetapi ia juga tertumpu kepada aqidah dan akhlak. Berikut adalah pembahagian kemaslahatan secara ringkas yang perlu diraikan :



1. *Al-dharuriyat* (keperluan asas) dalam Bahasa Arab disebut (الضروريات) iaitu perkara yang sangat penting di dalam kehidupan dan ia tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia. Dalam erti kata lain, jika ia tidak ada maka kehidupan manusia di dunia ini akan menjadi kucar-kacir dan binasa. Para alim ulama membahagikan ia kepada lima bahagian :

- i. Menjaga agama (*hifzuddeen*)
- ii. Menjaga nyawa atau jiwa manusia (*hifzunnafs*)
- iii. Menjaga akal manusia (*hifzul 'aql*)
- iv. Menjaga keturunan manusia (*hifzunnasal*)
- v. Menjaga harta dan hak milik manusia (*hifzul mal*)

Allah telah menyatakan tentang kepentingan menjaga kemaslahatan *al-dharuriyat* ini menerusi firmanNya: didalam Surah Al-Mumtahanah ayat yang ke 12:

*Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk Mengadakan janji setia, bahwa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat Dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang (Surah Al-Mumtahanah: 12).*

2. *Al-hajiyyat* (keperluan) dalam Bahasa Arab disebut (الحاجيات) iaitu apa yang diperlukan oleh manusia daripada sudut kelapangan dan mengangkat kesempitan ataupun kesulitan dalam kehidupan mereka. Ia berbeza dengan yang pertama kerana jika *al-hajiyyat* ini tidak dapat dilaksanakan maka ia tidak sampai ketahap membinasakan manusia. Adapun kesan daripada meninggalkannya maka seseorang itu akan mendapat kesulitan sahaja dan kepayahan dalam melaksanakan perintah Allah kepadanya.

Tanpanya ia tidak menjejaskan lima perkara yang wajib dijaga tadi. Sementara Imam Syatibi menyatakan sekiranya tidak dilaksanakan masalah ini akan menyebabkan sedikit bebanan dan kepayahan namun tidak membawa kepada kerosakan kepada lima perkara tersebut.

3. *Al-tahsiniyyat* (penghias) dalam Bahasa Arab disebut (التحسينيات): Menurut Imam Ghazali (1995) bermaksud sesuatu yang tidak kembali kepada perkara *dharuriyat* dan *hajiyyat* akan tetapi ia sebagai pengelok ataupun penghias dalam sesuatu perkara. Perkara *tahsiniyyat* adalah perkara yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Jika seseorang itu tidak menjaganya, maka ia juga akan memberi kesan kepadanya tetapi tidak sampai binasa ataupun kepayahan.

### **Maqasid syariah dalam isu baby hatch**

Dalam isu penubuhan *baby hatch*, kaitannya dengan maqasid syariah dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu maqasid menjaga agama, nyawa dan keturunan. Penjelasan kepada ketiga-tiga aspek tersebut adalah seperti berikut:

#### **i. Maqasid menjaga agama (*hifzuddeen*):**

*Deen* atau agama bermaksud agama Islam berdasarkan kepada firman Allah dalam surah Ali Imran, ayat 19 yang bermaksud:

*Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam.*

Menjaga agama merupakan maqasid yang terbesar dalam menjaga kemaslahatan. Maka ia juga merupakan usul dalam semua perkara. Jika hilang agama itu maka hilanglah segala isi dunia ini. Allah berfirman:

*Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka Al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya (Surah Al-Mukminun: 71).*

Maka, penubuhan pusat penjagaan bayi hendaklah tidak bercanggah dengan maqasid ini, seperti penubuhan pusat penjagaan bayi sebagai satu rancangan Kristianisasi. Namun jika dilihat secara realitinya setakat ini, tujuan penubuhan *baby hatch* hanyalah untuk memberi perlindungan kepada para bayi terbuang. Penyerahan kepada keluarga angkat pula dibuat dengan melihat terlebih dahulu kepada latarbelakang agama keluarga angkat tersebut. Misalnya, bayi Melayu hanya akan diserahkan kepada keluarga Melayu Islam, manakala bayi keturunan India akan diserahkan kepada keluarga India (Komunikasi peribadi dengan Pegawai Orphan Care, 5 September 2011).

Islam tidak menyalahkan anak sah taraf, ini kerana anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu Islam dan suci daripada dosa. Dengan mewujudkan *baby hatch* ini, maka ia dapat menyelamatkan aqidah bayi atau kanak-kanak tersebut dengan diserahkan kepada mereka yang berhak dan berdasarkan penelitian latar belakang mereka dahulu.

Jika diperhatikan maksud dalam Surah al-Mukminun ayat 71 di atas, maka kita dapati bahawa Islam merupakan agama yang bukan mengikut hawa nafsu semata-mata tetapi ia perlulah dipandukan dengan agama. Justeru itu, agama Islam sentiasa memberi ruang kepada mereka yang bersalah dalam membaiki diri mereka sendiri dalam apa jua keadaan sekalipun. Maka tindakan mereka untuk membuang bayi di merata tempat tanpa ada pengawasan merupakan satu bentuk jenayah dalam Islam dan ia merupakan sifat yang tidak berperikemanusiaan yang bercanggah dalam agama Islam.

## **ii. Maqasid menjaga nyawa (*hifzunnafs*):**

Secara prinsipnya, Islam mengharamkan membunuh manusia lain tanpa alasan yang benar, berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar (Surah al-Isra': 33).*

Dalam ayat di atas, syarak menetapkan bahawa hanya tiga golongan yang dibenarkan untuk dibunuh iaitu, si murtad, pezina dan pembunuh yang membunuh manusia yang terpelihara darahnya dalam Islam (*ma'sum ad-dam*) (Al-Zuhaili, 1997). Manakala Imam al-Nawawi (1975) menyebut, darah yang dipelihara oleh syarak adalah disebabkan Islam, bayaran *al-jizyah* (cukai yang dipungut daripada *ahlu zimmah*) dan *al-aman* (pelancong non-Muslim yang masuk ke negara Islam dengan kebenaran).

Imam Ibn A'syur (1998) mendefinisikan menjaga agama dengan “*menjaga ruh supaya ia tidak hilang begitu sahaja, kerana dunia ini perlulah dilengkapi dengan kehidupan manusia*”. Islam memberikan setiap orang itu hak mereka masing-masing termasuklah bayi yang baru

dilahirkan. Kerana itu Allah mengharamkan pembunuhan untuk menjaga kemaslahatan ini disebabkan manusia itu adalah mulia. Allah berfirman:

*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sabaik-baiknya*  
(Surah At-Tin: 4).

Dalam hal ini, anak terbuang yang kebanyakan berstatus anak tidak sah taraf tetap mempunyai hak untuk hidup, walaupun dia dilahirkan sebagai anak zina. Bayi yang dibiarkan atau dibuang di tempat yang tidak sepatutnya seperti dalam tong sampah, longkang, sungai dan seumpamanya akan menyebabkan kematian sekiranya tidak dijaga dan dilindungi. Maka, penubuhan pusat penjagaan ini bertepatan dengan prinsip maqasid syariah dari aspek penjagaan nyawa.

Demi menjaga kelangsungan hidup manusia ini, Islam telah menetapkan bahawa pembunuh hendaklah dikenakan hukuman qisas iaitu bunuh balas (Al-Mubayyadh, 2004). Maka dalam isu pembuangan bayi ini, sekiranya anak yang dibuang itu mati, si pembuang perlulah dihukum bagi mengelakkan perkara ini terus berlarutan.

### **iii. Maqasid menjaga keturunan manusia (*hifzunnasal*)**

Menjaga keturunan bermaksud mengekalkan kewujudan manusia di muka bumi. Islam menggariskan beberapa kaedah berkaitan menjaga keturunan antaranya seperti disyariatkan perkahwinan, dianjurkan berkahwin dengan wanita, diharuskan berpoligami bagi yang mampu dan diharamkan zina serta menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada zina (*saddu az-zarai*). Manakala perbuatan yang boleh menghalang dari bertambahnya keturunan adalah dilarang seperti meninggalkan berkahwin, mencegah kehamilan tanpa sebab yang syarie dan menggugurkan anak (Al-Yubi, 1998).

Hikmah menjadikan lelaki dan wanita adalah untuk saling beramah mesra antara satu sama lain seperti firman Allah iaitu:

*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan antara satu sama yang lain* (Surah Al-Hujurat: 13).

Ini menunjukkan bahawa penciptaan lelaki dan wanita adalah untuk mengembangkan zuriat dan keturunan mereka supaya menjadi hamba Allah yang bertaqwa.

Dalam isu anak terbuang, harus difahami bahawa bayi adalah generasi manusia yang perlu dijaga dan diwujudkan. Susur galur menjaga keturunan melalui perkahwinan yang sah adalah satu kewajipan. Namun begitu, meskipun anak tak sah taraf lahir dari perbuatan zina, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana bayi tersebut tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua ibu bapanya, bahkan tetap mempunyai hak untuk hidup berpasangan seperti insan lain. Justeru, masyarakat tidak boleh turut sama menghukumnya dengan menafikan hak-hak yang sewajarnya sebagai seorang manusia, mencemuh atau meminggirkannya.

Maka dari sudut maqasid syariah, penubuhan *baby hatch* ini dilihat bertepatan dengan maqasid menjaga keturunan. Penyerahan anak terbuang ini kepada keluarga angkat boleh dianggap sebagai satu usaha murni demi menyemai perasaan berkeluarga dan berkasih sayang dalam diri mereka. Dalam pada itu, panduan yang digariskan oleh syariah dalam isu pengambilan anak

angkat juga perlulah dititikberatkan oleh setiap pasangan yang ingin mengambil anak angkat tersebut seperti mengenali keluarga asal supaya tidak berlaku pencampuran nasab diantara satu sama yang lain.

### **APLIKASI KAEDAH FIQH DAN *FIQH MUWAZANAT* DALAM ISU *BABY HATCH***

Setelah melihat perbahasan *baby hatch* dari sudut maqasid syariah, maka di sini akan dibincangkan pula dari perspektif kaedah fiqh dan fiqh muwazanat iaitu penimbangan di antara *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) (Al-Qardhawi, 2006; Hilali, 2008; Shubair, 2007).

Pertama, kepentingan menjaga nyawa seseorang lebih penting daripada memikirkan kemungkinan menggalakkan lagi pembuangan bayi disebabkan penubuhan pusat seperti ini. Ini kerana kepentingan itu dilihat lebih besar, berbanding kerosakan yang mendatang. Maka, dalam hal ini, perlu mengutamakan kepentingan yang lebih besar, berbanding kerosakan yang kecil. Dalam isu anak terbuang, mewujudkan tempat perlindungan khas buat masa ini adalah lebih penting kerana ia merupakan satu usaha untuk menyelamatkan nyawa bayi terbuang tersebut.

Persoalannya ialah, adakah benar *baby hatch* akan menggalakkan lagi gejala zina dan kelahiran anak luar nikah dalam masyarakat? Bagi menjawab persoalan ini, maka perlulah dikaji terlebih dahulu, sekiranya dapat dibuktikan bahawa dengan adanya *baby hatch* jumlah kes buang anak semakin bertambah, maka *baby hatch* perlu dihapuskan. Namun, jika tiada bukti, maka kenyataan di atas hanyalah merupakan satu andaian semata yang tidak disokong dengan fakta. Ini berbetulan dengan kaedah fiqh yang menyebut: (لا عبرة بالتوهم).

Hakikatnya pada ketika ini, jumlah bayi yang diserahkan di *baby hatch* adalah lebih rendah berbanding kes bilangan kes pembuangan bayi di tempat-tempat lain seperti tong sampah, ditanam, dalam sungai dan sebagainya terus meningkat malah terus menjadi-jadi pada bulan Ramadhan. Berdasarkan statistik pembuangan bayi oleh PDRM bagi tahun 2010-2016, sebanyak 697 kes direkodkan dengan peningkatan kes pada setiap tahun (Utusan Online, 2017). Ini menunjukkan langkah menubuhkan *baby hatch* ini adalah baik tetapi ia tidak berkesan dalam menangani masalah pembuangan bayi ini. Mahu tidak mahu undang-undang yang lebih keras perlu dilaksanakan di Malaysia.

Kedua, kaedah (درء المفسد أولى من جلب المصالح) bermaksud “mengelakkan kemudaratan adalah lebih utama berbanding menjaga kemaslahatan”. Berhubung isu *baby hatch*, kemaslahatannya ialah perlunya bayi-bayi tersebut dijaga atau diserahkan kepada keluarga angkat, bagi memberikan mereka kehidupan yang sempurna. Walaubagaimanapun, menyelamatkan bayi sahaja adalah tidak memadai seandainya pintu utama yang membawa kepada masalah buang bayi, iaitu zina tidak dibanteras. Maka, perlu difikirkan satu tindakan undang-undang yang lebih tegas bagi menyekat penularan gejala zina. Pada masa yang sama, ruang-ruang yang boleh mendorong kepada masalah zina perlu ditutup. Ini bertepatan dengan kaedah *saddu az-zarai’* yang dianjurkan Islam. Pendidikan agama adalah cara yang terbaik untuk membendung masalah zina. Hal ini disokong dengan kajian oleh Wong (2012) yang menyebut bahawa pengetahuan agama dan nilai sosial memainkan peranan yang penting dalam mengatasi seks sebelum perkahwinan. Oleh itu, utamakan apa yang perlu diutamakan. Sepertimana yang telah disebutkan, sekiranya bertembung di antara dua kerosakan, maka perlu dihapuskan kerosakan yang lebih besar dahulu. Bukan bermakna membiarkan kerosakan yang sedikit.

Ketiga, kaedah (الضرر لا يكون قديما) bermaksud “sesuatu kemudaratan tidak boleh dibiarkan berkekalan”. Oleh itu, penubuhan *baby hatch* tidak boleh dianggap sebagai jalan penyelesaian selamanya bagi masalah pembuangan bayi ini. Pada pendapat pengkaji, *baby hatch* hanyalah sekadar jalan penyelesaian bersifat perikemanusiaan dan belas kasihan kepada mereka yang terdesak untuk meninggalkan bayi di tempat selamat. Ia mengelakkan bayi daripada ditinggalkan di tepi jalan, longkang atau tempat pembuangan sampah.

Namun, perlu ditegaskan, kemudahan yang disediakan ini tidak boleh disalah anggap sebagai suatu galakkan untuk membenarkan hubungan seks sebelum berkahwin, atau menganggap *baby hatch* sebagai jalan penyelesaian kepada kes pembuangan bayi. Oleh itu, penubuhan *baby hatch* tidak harus disalah erti dengan mengganggapnya sebagai laluan untuk meneruskan aktiviti tidak bermoral atau sebagai tempat alternatif kepada yang ingin membuang bayi mereka.

Keempat, sekiranya terdapat bentuk serangan Kristianisasi dalam penubuhan *baby hatch* ini, kita perlu menubuhkan pula pusat penjagaan bayi di bawah organisasi Islam. Ini kerana, menyelamatkan nyawa bayi adalah wajib dan mestilah selari dengan maqasid syariah. Begitu juga menyelamatkan akidah dan pegangan bayi tersebut juga adalah suatu tuntutan dalam maqasid syariah. Maka, menubuhkan pusat penjagaan bayi di bawah organisasi Islam merupakan kepentingan (*maslahat*) yang utama, selain daripada melantik pimpinan yang melaksanakan Islam.

Kelima, penubuhan *baby hatch* ini adalah merupakan perkara yang diperlukan segera, walaupun terdapat keutamaan yang lain. Maka, ia jangan dilengah-lengahkan. Justeru, langkah pihak Orphan Care untuk menubuhkan lebih banyak pusat *baby hatch* di seluruh negara adalah amat wajar. Ini kerana perkara yang diperlukan segera walaupun terdapat keutamaan yang lebih, maka perlu diutamakan perlaksanaannya. Tidak perlulah menunggu sehingga digubal undang-undang berkaitan zina dan buang bayi yang lebih ketat, barulah hendak menubuhkan pusat ini.

### **PEMBUANGAN BAYI DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SIVIL**

Sebelum ini, semua kes pembuangan bayi disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak yang boleh dihukum denda maksimum RM20,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan (Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001). Namun, jika diteliti kes-kes pembuangan bayi, kebanyakannya mengakibatkan kematian bayi. Disebabkan wujudnya elemen kematian, maka kesalahan ini boleh dikaitkan dengan kesalahan membunuh dan sesiapa yang terlibat dengan kesalahan ini jika disabitkan boleh dikenakan hukuman yang setimpal sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (Akta 574).

Ekoran dari berleluasanya kes membuang bayi, maka Kabinet Malaysia telah memutuskan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh bagi memastikan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu menerima hukuman berat. Kes bunuh disiasat mengikut seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh mengikut seksyen 307 Kanun yang sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun.

Selain itu, kes pembuangan bayi boleh juga disiasat mengikut seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran bayi dengan niat membuang bayi. Peruntukan dalam Seksyen 317 ini boleh digunapakai dalam kes yang berkaitan dengan kesalahan membuang bayi kerana dalam kes seperti ini, kebanyakan orang yang melakukan kesalahan ini adalah ibu

kepada kanak-kanak tersebut serta tindakan ibu tersebut meninggalkan anak mereka di pelbagai tempat seperti di tepi longkang, dalam tong sampah dan juga di hadapan rumah-rumah ibadat adalah dengan 'niat' untuk membuang kanak-kanak tersebut.

Elemen penting dalam Seksyen 317 adalah niat ibu atau bapa atau penjaga untuk membuang kanak-kanak itu sama sekali. Sebagai contoh di dalam kes (*Fatimah v Public Prosecutor, 1996*) perayu telah dituduh di bawah seksyen 317 dengan kesalahan mendedahkan dan meninggalkan anaknya. Perayu telah mengaku salah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 4 tahun. Perayu tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan dan membuat rayuan. Dalam kes ini, perayu mengaku telah meninggalkan anak tersebut berhampiran dengan sawah padi kerana takutkan bapanya. Ini adalah kerana beliau masih belum berkahwin. Mahkamah kemudiannya telah mengurangkan hukuman kepada sembilan bulan setelah mengambil keseluruhan fakta kes. Oleh itu, seksyen 317 lebih relevan kepada jenayah pembuangan bayi.

Berkaitan perlindungan melalui inisiatif *baby hatch* dari perspektif undang-undang, penubuhan *baby hatch* sebagai tempat perlindungan bayi terbuang dilihat bertepatan dengan Seksyen 17 (1) (e) Akta Kanak-kanak 2001 yang menyebut bahawa:

“seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu:  
(i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga; atau  
(ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu.

Dengan kata lain, inisiatif penubuhan *baby hatch* ini dilihat mampu membantu usaha ke arah memberikan penjagaan dan perlindungan dari segala bentuk ancaman terhadap haknya untuk hidup dan membesar sebagai manusia yang normal.

## KESIMPULAN

Hasil dari perbincangan dan kupasan sebelum ini berhubung penubuhan *baby hatch*, maka dapat dibuat beberapa kesimpulan. Pertama, anak tak sah taraf bukanlah seorang insan yang terbiar dan tidak bermaruah seperti yang disangkakan oleh sesetengah masyarakat. Malah terdapat sepuluh hak insani seorang anak tak sah taraf telah dijamin oleh Islam. Golongan ini juga berhak mendapat keistimewaan, faedah, kebajikan, pendidikan dan boleh melakukan aktiviti-aktiviti harian sepertimana kanak-kanak lain yang sah tarafnya.

Berikutnya, penguatkuasaan undang-undang pembuangan bayi sahaja tidak akan mengekang aktiviti zina daripada berlaku. Dalam hal ini pengkaji amat bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa undang-undang sahaja tidak mampu menjaga manusia. Mahu tidak mahu penyelesaian menurut agama adalah yang paling berkesan. Hukum hudud bagi penjenayah zina adalah yang terbaik bagi tujuan menghukum dan dalam masa yang sama mendidik manusia.

Akhirnya, meskipun penubuhan *baby hatch* adalah berbetulan dengan maqasid syariah dari aspek menjaga agama, nyawa dan keturunan, serta termasuk dalam perkara makruf yang bertujuan untuk menyelamatkan nyawa bayi-bayi terbuang yang tidak berdosa, namun ia bukanlah satu penyelesaian yang kekal. Perkara yang paling pokok ialah perlu ada usaha mencegah kemungkaran. Oleh itu, ruang-ruang yang boleh membawa kepada perzinaan perlulah ditutup segera oleh pihak-pihak yang berwajib.

## RUJUKAN

- Ahmad, A.G. & Md. Dahlan, N. H. (2016). Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: Satu kajian kes di Negeri Kedah. *Kanun*, 28 (2), 214-244.
- Akta 611: Akta kanak-kanak 2001.
- Akta undang-undang keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1970). *The correct date of the Trengganu inscription: Friday, 4<sup>th</sup> Rajab, 702 A.H./Friday, 22<sup>nd</sup> February, 1303 A.C.* Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Al-Duraini, Muhammad Fathi (1997). *Al-Manahij al-usuliyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1995), *Al-Mustasfa*, Beirut : Darul Kutub.
- Al-Izz bin Abdul Salam. *Qawaid al-ahkam fi masalih al-anam*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Misawi, Mohammad al-Tahir (1998). *Ibn Asyur wa kitabuhu maqasid al-syariah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.
- Al-Mubayyadh, M.A. (2004). *Maslahah hifzi an-nafs fil syari'ah al-Islaamiyyah*. Qaherah: Muassah al-Mukhtar.
- Al-Nawawi (1975). *Raudhah at-talibeen*. 1405. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Obeidi, Hammad (1992). *Al-Syatibi wa maqasid al-syariah*. Tripoli: Mansyurat Kuli'at al-Da'wah al-Islamiyyah, cet. Pertama.
- Al-Qaradawi, Yusuf . (1993). *Madkhal li dirasat al-syariah al-Islamiyyah*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Y. (2006). *Awlawiyyat al-harakah al-Islamiyyah fil marhalah al-qadimah*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarni, Iwad bin Muhammad (2000). *al-Mukhtasar al-wajiz fi maqasid al-tasyri'*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra'.
- Al-Raisuni, Ahmad (1992). *Nazariyyat al-maqasid inda al-Imam al-Syatibi*. Beirut: al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Shatibi (2005). *Al-Muafakat*. Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir : Darul Hadith.
- Al-Yubi, M. (1998). *Maqasid al-syariah al-Islamiyyah*. Riyadh: Darul Hijrah.
- Al-Zuhaili, W. (1997). *At-Tafseer al-munir fil 'aqidah wal syariah wal manhaj*. Dimasq: Darul Fikr Al-Muasir.
- Berita Harian (2010, Mei 30). Tokoh Islam setuju penubuhan baby hatch. Diakses pada 24 Sept. 2011 dari: [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/TokohIslamsetuju penubuhanBabyHatch/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/TokohIslamsetuju%20penubuhanBabyHatch/Article)
- Evans, S. (26 Jun, 2012). The 'baby box' returns to Europe. BBC News. Diakses pada 7 Mac 2018, dari; <http://www.bbc.com/news/magazine-18585020>
- Hilali, M. (2008). *Min fiqh al-aulawiyat*. Maktabah Darul Andalus.
- Ibn A'syur (1998/1420). *Maqasid as-syari'ah Al-Islamiyyah*. Urdun: Dar Al-Nafais.
- Ismail, P. H. (2017). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 10, 77-90.
- Sawai, R. P., Sukor, N. M., Salleh, M. M. M., Ab Halim, M. A., Baharuddin, D. F., & Sawai, J. P. (2013). Management of baby dumping in malaysia: Considering socio-cultural, legal and religious context. *Al-'Abqari: Islamic Social Sciences and Humanities*, 3, 45-55.
- Sawai, R. P., Sukor, N. M., Salleh, M. M. M., Ab Halim, M. A., Baharuddin, D. F., & Sawai, J. P. (2015). Management of baby dumping in malaysia: A qualitative study. *Al-'Abqari: Islamic Social Sciences and Humanities*, 6, 35-52.
- Shubair, M.O. (2007). *Al-Qawaid al-kulliyyah wa al-dhowabit al-fiqhiyyah*. Amman: Darul Nafaes.
- Thye.L. L (10 Julai, 2010). Penubuhan baby hatch bukan penyelesaian kekal isu buang bayi. Berita Harian. Diakses pada 24 September 2011, dari:

- <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PenubuhanBabyHatchbukanpenyelesaiankekalisubuangbayi/Article>
- Utusan Online*, (2017, Julai 25). 697 kes pembuangan bayi dilaporkan antara 2010-2016. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/697>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (t.th). *Kedudukan isu anak tak sah taraf*. Diakses pada 28 September 2012, dari: [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/27.anak\\_tak\\_sah\\_taraf.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/27.anak_tak_sah_taraf.pdf)
- Sophia Ahmad (2016, September 13). 159,725 anak tak sah taraf didaftar sejak 2013: JPN. *Berita Harian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/node/192319>.
- Orphan Care (t.th). *Who we are?*. Diakses pada 15 September 2017, dari; <http://www.orphancare.org.my>.
- Wong, L. P. (2012). An exploration of knowledge, attitudes and behaviours of young multiethnic Muslim-majority society in Malaysia in relation to reproductive and premarital sexual practices. *BMC public health*, 12(1), 865.
- Widmer, E. D., Treas, J., & Newcomb, R. (1998). Attitudes toward nonmarital sex in 24 countries. *Journal of Sex Research*, 35(4), 349-358.
- Zakiyy, N., & Hamid, A. H. (2015). Religious perceptions on the laws regulating major social ills in Malaysia: Quranic and Biblical perspectives. *Al-'Abqari: Islamic Social Sciences and Humanities*, 6, 53-77.